

Lumba basikal UMT dapat sambutan

SY 14/09/08 pg. T23

■ BHARUDDIN SULONG

KUALA TERENGGANU -

Rentak kayuhan bertenaga menjadi kelebihan Fatimah Abu Zar untuk memenangi kategori perempuan tidak bergear dalam Pertandingan Lumba Basikal Gaya Hidup Sihat Universiti Malaysia Terengganu (UMT) 2008, semalam.

Pada perlumbaan sejauh 2.5 km di sekitar UMT, Mengabang Telipot itu, Fatimah meninggalkan pesaing terdekatnya, Nora Diana Halim pada tempat kedua sementara Norhidayah Asli sekadar berpuas hati menduduki tempat ketiga.

Seramai 105 peserta membabitkan penghuni Kolej Kediaman Asrama Fasa 1 mengambil bahagian dalam kejohanan anjuran Jawatankuasa Kebajikan dan Penginapan Pelajar (JKPP) UMT bersamaan Program Kempen Sihat dengan Berbasikal itu.

Acara pelepasan peserta

disempurnakan Naib Canselor UMT, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yassin pada jam 9 pagi.

Dalam kategori lelaki, juara disandang Laurent Pong Chuw Chin mengetepikan Ler Swee Chai (naib juara) dan Lee Xiang Ming yang meraih tempat ketiga.

Ayu Maslina Mahlid pula tampil dengan aksi kayuhan mantapnya untuk memenangi kategori perempuan bergear, meninggalkan Tho Siew Yen dan Nur Dalila Mohd Rudin pada tempat kedua dan ketiga.

Juara kategori lelaki seterusnya menjadi milik Muhammad Lutfi Mohd Muslim, diikuti Mohd Taufik Muhammad (naib juara) dan Ten Wei Oon yang meraih tempat ketiga.

Penyampaian hadiah berupa wang tunai kepada pemenang disampaikan pengarah program, Mohd Rafaei Birin Sani sebaik sahaja pertandingan berakhir.

Sementara itu, Mohd Rafiee



Pemenang Pertandingan Lumba Basikal Gaya Hidup Sihat UMT bergambar kenangan selepas majlis penyampaian hadiah semalam.

berkata, program perintis yang diadakan itu bertujuan menggalakkan lebih ramai mahasiswa UMT mengamalkan budaya hidup sihat dengan aktiviti berbasikal.

"Meskipun dalam keadaan berpuasa dan cuaca yang pa-

nas terik, semua peserta sedikit pun tidak merungut sebaliknya semakin bersemangat bersaing sesama sendiri untuk meneruskan perlumbaan hingga ke garisan penamat.

"Program ini akan diteruskan lagi selepas ini dengan

memberikan tumpuan kepada program kemasyarakatan dan peserta akan berbasikal ke kampung angkat berhampiran serta melakukan kerja sukarela bersama penduduk setempat," katanya kepada **Sinar Harian**.